

# Carilah Berkat dalam Hidupmu!

Imam al-Zamakhsyari menjelaskan maksud perkataan ini menerusi *Tafsir al-Kashshaf*, "Kami akan memberikan kepada mereka segala bentuk kebaikan. Ada juga yang mengatakan bahawa 'membuka' itu merujuk kepada menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman."

Menurut Abi Su'ud dalam *Irsyad al-'Aql al-Salim*, terdapat qiraat yang membaca perkataan ini dengan tasydid pada huruf ta menjadi (تَفْتَحُنَا). Ia bermaksud dibuka dengan banyaknya atau diberi secara melimpah ruah.

Allah s.w.t. berfirman:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ  
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: "Dan (Tuhan berfirman) lagi: 'Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan **membuka** kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.'" (Surah al-A'raf 7: 96)

## Tafsiran Ayat

Janji Allah s.w.t. kepada penduduk sesebuah negara itu adalah untuk membuka pintu-pintu keberkatan bagi mereka sekiranya mereka beriman dan bertakwa. Keberkatan itu akan datang dalam kehidupan yang muncul dari bumi mahupun turun dari langit!

Kata Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *Tafsir al-Kabir*:

"Keberkatan dari langit berupa hujan yang turun mencurah-curah. Keberkatan dari bumi pula dengan tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan serta haiwan ternakan. Ini termasuk juga beroleh keamanan dan kesejahteraan. Hal ini disebabkan langit itu diumpamakan sebagai 'ayah', manakala bumi pula sebagai 'ibu'. Daripada kedua-duanyalah terhasil segala manfaat dan kebaikan hasil ciptaan dan pentadbiran Allah s.w.t.

"Tetapi, mereka mendustakan para rasul lalu Kami mengazab mereka dengan menimpakan musim kemarau disebabkan perbuatan kufur dan maksiat yang mereka kerjakan."

Malang sekali apabila mereka tidak mengambil iktibar daripada apa yang mereka saksikan berlaku di hadapan mereka berupa bencana dan musibah. Seolah-olah mereka sendiri menempah

azab Allah s.w.t. seperti golongan yang terdahulu.

Hari ini lihatlah, mereka pula mengalami musibah yang sama. Turut dimusnahkan dengan bencana yang turun dari langit seperti angin puting beliung atau badai di lautan juga kemarau berpanjangan! Sekarang pun manusia gempar dengan kemunculan wabak penyakit baharu iaitu Covid-19 yang amat mengerikan.

Ia merupakan sebahagian daripada balasan Allah disebabkan keingkaran yang mereka lakukan.

## Fahami Keberkatan

Lihatlah bagaimana Hamka menjelaskan perkara ini menerusi *Tafsir al-Azhar*. Katanya:

"Ayat ini menunjukkan bahawa kemakmuran ekonomi itu sangat berkait rapat dengan kemakmuran iman.

## DATUK DR. HJ. ZAHAZAN MOHAMED

Memperoleh Ijazah Kedoktoran Tafsir dari Universiti Malaya. Pengarah Urusan Telaga Biru dan bekas Pensyarah UIAM. Antara guru beliau ialah Dr. Fadhl Hasan Abas dalam ilmu tafsir, Sheikh Dr. Walid al-Ani; bidang hadis dan sirah, dan Sheikh Dr. Nuh Ali Saliman al-Qudhah.

Facebook: zahazanmohamed



“

*Fanji Allah s.w.t. kepada penduduk sesebuah negara itu adalah untuk membuka pintu-pintu keberkatan bagi mereka sekiranya mereka beriman dan bertakwa.*

”

Walaupun melimpahnya kekayaan bumi yang berjaya digali oleh manusia, tidaklah akan membawa keberkatan sekiranya iman dan takwa tidak ada dalam jiwa. Maka, segala bencana yang timbul itu bukanlah disebabkan oleh orang lain, tetapi disebabkan oleh perbuatan yang salah. Salah kerana iman dan takwa sudah tidak ada lagi.”

Jadi, dapatlah difahami bahawa:

1

Pintu-pintu keberkatan dari bumi dan langit akan dibuka jika kita berima dan bertakwa kepada Allah s.w.t

2

Keberkatan tidak akan diberikan kepada orang yang ingkar dan kufur. Sebaliknya, hanya diberikan nikmat yang menjadikan mereka bertambah lalai, lalu ditimpa azab!

Ia merupakan istidraj iaitu pemberian nikmat yang membawa kepada kehancuran dan paling penting ia tidak membawa keberkatan!

3

Allah s.w.t. tidak menzalimi manusia. Namun sebahagian manusia sendiri yang bertindak menzalimi diri mereka sendiri. Perbuatan mereka itu sememangnya menempah azab dan murka Allah!

### Cara Meraih Keberkatan

Selepas mengetahui perihal keberkatan yang memerlukan iman dan takwa sebagai syarat, bagaimana pula cara untuk meraihnya? Antaranya ialah:

1

Kita hendaklah berusaha untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah dengan beriman dan mematuhi segala perintah-Nya serta menjauhi perbuatan ingkar dan kufur.

2

Mencari nikmat yang diberkati oleh Allah sahaja dan jangan terpedaya dengan nikmat yang mendatangkan azab.

3

Kita perlu menghindarkan diri daripada azab dan bencana dengan kembali kepada agama Allah dan ajaran Rasul-Nya.


4

Jangan sesekali mempermain-mainkan hukum Allah s.w.t.

Sebab itulah Allah s.w.t. memuji sifat orang yang beriman sebagaimana firman-Nya: “Yang berusaha

mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya, lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (dari segi hukum agama); mereka itulah orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang yang berakal sempurna.” (Surah al-Zumar 39: 18)

Oleh itu, marilah kita berdoa semoga kita tergolong dalam kalangan orang yang mendengar dan menurut serta mengamalkan panduan dan suruhan-suruhan-Nya. “Ya Allah, jadikanlah kami orang yang beriman dan bertakwa. Bukakanlah kepada kami keberkatan dari bumi dan langit.”

Amin... 

	Biasa: 2 minit 40 saat
	Pantas: 0 minit 13 saat

IMBAS DI SINI



Kuliah Tafsir 3 minit bersama Datuk Dr. Hj. Zahazan Mohamed **BAIKI HUBUNGAN DENGAN ALLAH**

DOA

## DOA MEMOHON AGAR MENJADI HAMBAA ALLAH YANG TAAAT

اللَّهُمَّ قَنِّعْنِي بِمَا رَزَقْتَنِي،  
وَبَارِكْ لِي فِيهِ، وَاخْلُفْ عَلَيَّ  
كُلَّ غَائِبَةٍ لِي بِخَيْرٍ.

MAKSUDNYA:

“Ya Allah! Jadikanlah kami tergolong dalam kalangan mereka yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya, lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (dari segi hukum agama).”

(Surah al-Zumar 39: 18)

